

IMPLIKASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HAFAZAN DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM SECARA DALAM TALIAN TERHADAP MURID SEKOLAH RENDAH ARAB

THE IMPLICATIONS OF ONLINE TEACHING AND LEARNING HAFAZAN IN PENDIDIKAN ISLAM SUBJECT TO ARABIC PRIMARY SCHOOL PUPILS

Zurah Abu^{1*}, Maksalmina Abu², Siti Nur Dhuha Mohd Kalit³

¹Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Kampus Jasin, 77300 Merlimau, Melaka, Malaysia, zurah@uitm.edu.my

²Sekolah Rendah Arab (JAIM) Merlimau Pasir, 77300 Merlimau, Melaka, Malaysia, maksalmina2013@gmail.com

³Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Kampus Jasin, 77300 Merlimau, Melaka, Malaysia, dhuhaazinkalit@gmail.com

*Penulis Penghubung

Artikel diterima: 02 Jan 2024

| Selepas Pembetulan: 30 April 2024

| Diterima untuk terbit: 27 Mei 2024

Abstrak

Sesuatu tindakan atau perubahan dapat dilihat daripada hasil kecekapan dan keberkesanan mengoptimalkan semua prosedur bagi mendapatkan hasil terbaik. Langkah penutupan sektor pendidikan dalam tempoh PKP telah mengubah proses PdP secara bersemuka yang dijalankan secara turun temurun selama ini di Malaysia kepada secara dalam talian dari rumah. Justeru itu, satu kajian dijalankan ke atas murid di sebuah sekolah rendah Arab di Melaka untuk mengenalpasti implikasi keberkesanan dan cabaran yang dihadapi oleh murid semasa PdP hafazan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam secara dalam talian. Sampel kajian dipilih menggunakan persampelan rawak mudah dan kelompok yang terdiri daripada murid Tahun 6. Satu set borang selidik berkomputer diedarkan, dan data yang dikumpul dianalisa menggunakan perisian *Microsoft Excel* dan *Statistical Package for Social Sciences* Versi 25.0. Hasil daripada kajian, nilai purata skor min tahap keberkesanan yang diperolehi ialah 3.09 iaitu skala 3 (sederhana setuju). Terdapat penurunan sebanyak 19% tahap penguasaan hafazan berskala baik apabila PdP dijalankan secara dalam talian. 53.4% menggunakan telefon bimbit ibu bapa mereka untuk mengikuti kelas secara dalam talian. Malah, terdapat 28% responden menghadapi masalah rangkaian internet. Sebanyak 34.5% peratusan longgokan murid tidak bersetuju yang mereka jelas akan tajwid termasuk tanda bacaan semasa sesi pembelajaran hafazan secara dalam talian. Walaubagaimanapun, 41.4 % responden memberi respon bahawa mereka seronok belajar hafazan secara dalam talian dan 27.6% berasa selesa berkomunikasi dalam talian. Namun, secara kesimpulannya, murid masih lagi memilih PdP secara bersemuka berdasarkan keputusan respon yang diperolehi iaitu 95%.

Kata kunci

Hafazan, Pendidikan Islam, Pdp Dalam Talian, Implikasi, Cabaran

Abstract

An action or change can be seen from the results of the efficiency and effectiveness of optimizing all procedures to get the best result. The closure of the education sector during the MCO period has changed the process of face-to-face teaching and learning conducted through the years in Malaysia to online from home. Therefore, a study was conducted on pupils in an Arabic primary school in Melaka to identify the implications of the effectiveness and challenges faced by pupils during the online teaching and learning of hafazan in the Pendidikan Islam subject. The samples of the study were selected using simple random sampling and clusters consisting of Standard 6 pupils. Computerized questionnaires were distributed, and the data collected was analyzed using Microsoft Excel and Statistical Package for Social Sciences Version 25.0 software. As a result of the study, the average mean score of the efficacy level was 3.09, a scale of 3 (moderately agreed). There was a 19% decrease in the level of mastery of good scale hafazan when the teaching and learning were conducted online. 53.4% used their mobile phone of parents to join online classes. Besides that, 28% of respondents faced internet network problems. This study found that a cumulative percentage of 34.5% of pupils disagreed that they would clear the tajwid including punctuation marks while learning hafazan online. However, 41.4% of respondents responded that they enjoyed learning hafazan online and 27.6% felt comfortable communicating online. But, in conclusion, students still choose teaching and learning face-to-face based on the 95% response results.

Keywords

Hafazan, Pendidikan Islam, Online Teaching And Learning, Implications, Challenges

1.0 Pengenalan

Pada Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan situasi pandemik akibat penularan virus baharu jenis *Corona* yang menyebabkan wabak Covid-19. Selaras dengan pengisytiharan wabak ini, kebanyakan negara telah menutup semua sektor termasuklah sektor pendidikan. Seterusnya, pandemik Covid-19 menyebabkan kerajaan di pelbagai tempat di dunia melaksanakan beberapa dasar baharu berkaitan memutuskan rantaian penularan virus itu, termasuk kerajaan Malaysia. Ia memerlukan peralihan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP), iaitu daripada secara bersemuka kepada dalam talian. Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga menyebabkan guru dan murid tidak dapat ke sekolah untuk menjalani pengajaran dan pembelajaran secara normal. Situasi pandemik telah mendorong institusi pendidikan untuk menukar cara PdP secara dalam talian, iaitu kaedah PdP yang tidak biasa dijalankan. Struktur pembelajaran dalam talian adalah satu sistem pembelajaran yang dilaksanakan secara atas talian yang mana murid belajar tanpa ada rakan sebaya sebenar, dan murid boleh mengikuti kursus dari tempat yang mereka berada. PdP hafazan tidak terkecuali yang mana lazimnya berlangsung dalam kelas arus perdana. Pelbagai medium teknologi digunakan bagi memastikan kesinambungan hafazan al-Quran ini berterusan sehingga ke suatu masa yang membolehkan pengajaran dan pembelajaran dijalankan normal seperti sedia kala. Di antara medium yang di gunakan dalam hafazan al-Quran ialah aplikasi *Google Meet*, *WhatsApp* (Panggilan Video) dan *Telegram*.

Ahmad Saifudin dan Hamzah (2021) menyatakan bahawa dalam beberapa tahun kebelakangan ini, ICT telah memainkan peranan yang sangat penting dalam bidang pendidikan, dan e-pembelajaran telah menjadi ikutan biasa dalam kalangan pendidik. Walaupun kemajuan dalam teknologi pendidikan dalam beberapa dekad yang lalu terbukti sangat berguna semasa pandemik ini (Dhawan, 2020). Namun guru, pelajar, ibu bapa, dan pendidik lain yang berkaitan menghadapi banyak cabaran yang

mereka tidak bersedia untuk mengatasinya (Chakraborty et al., 2021). Pemimpin sekolah dan guru tergesa-gesa untuk mereka bentuk semula sepenuhnya model penyampaian pendidikan mereka, ibu bapa mengimbangi tuntutan kerja dengan tanggungjawab memastikan anak-anak mereka mengakses pengajaran dari rumah, dan pelajar bergelut untuk kekal terlibat dan berhubung dengan guru dan rakan sebaya mereka dalam talian.

Fauzi & Sastra Khusuma (2020) berpendapat bahawa pembelajaran dalam talian adalah tidak berkesan dan dijalankan secara tidak wajar. Mereka menunjukkan perkara ini dengan merujuk kepada beberapa faktor, seperti kemudahan internet yang tidak sesuai, ketidakupayaan guru melaksanakan pembelajaran dalam talian, dan kurangnya kerjasama yang diberikan oleh ibu bapa. Sebaliknya, Bahasoan et al. (2020) mendapati bahawa pembelajaran dalam talian adalah berkesan tetapi tidak cekap. Mereka memahami pembelajaran dalam talian berkesan sebagai tindak balas kepada mendesak wabak itu; namun, hasil pembelajaran tidak dapat dipenuhi, kerana ia memerlukan kos yang besar untuk membeli pakej internet yang sesuai. Tambahan pula, Wildana et al. (2020) menganggap pembelajaran dalam talian berkesan kerana ia memudahkan penggunaan pelbagai aplikasi seperti 'Whatsapp', 'Zoom' dan 'Google Classroom'. Walau bagaimanapun, Wildana et al. juga bersetuju bahawa akses internet dan pakej internet menyekat keberkesanan pembelajaran dalam talian. Kajian oleh Muhammad dan Kainat (2020) mendapati masalah capaian internet, kurangnya interaksi antara guru dan pelajar serta kekurangan kemudahan teknologi mencabar keberkesanan pembelajaran dalam talian. Di samping itu, sikap pelajar juga mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dalam talian. Pelajar yang mendekati pembelajaran dalam talian secara sambil lewa memberikan cabaran yang harus diatasi oleh semua pihak berkepentingan (Mohd Najib et al., 2017). Ini disokong oleh Basar et al. (2020), kerana mereka menegaskan bahawa pelajar harus mengambil peluang untuk belajar, meningkatkan kemahiran interpersonal mereka, dan meningkatkan kebolehsuaian mereka kepada teknologi baharu.

Meskipun kajian literatur yang dinyatakan di atas menunjukkan PdP dalam kaedah talian berkesan di tempat tertentu, namun halangan dan cabaran dalam pelaksanaan pembelajaran dalam talian masih wujud. Seiring dengan arus semasa juga, Asyikin dan Zulkifli (2023) mendapati pelajar memerlukan bimbingan khusus daripada guru untuk menghafaz al-Quran apabila mengenalpasti antara isu yang menjadi punca kelemahan dalam pencapaian pelajar tahfiz adalah kaedah PdP tahfiz masih menggunakan kaedah tradisional.


Rasulullah SAW telah menggariskan panduan kepada umat Islam untuk menguasai ilmu Fardhu serta menyemai ilmu Fardhu Ain kepada anak-anak di seawal usia. Begitu juga dalam mempelajari al-Quran. Allah S.W.T. berfirman dengan maksud, Kami sentiasa menjadi engkau wahai Muhammad dapat membaca Al-Quran yang diturunkan kepadamu dengan perantaraan Jibrail sehingga engkau menghafaznya dan tidak lupa. (Surah al-A'la ayat 6). Sementara itu, dalam Muqaddimah (Ibn Khaldun, 2000) menyatakan bahawa dengan mempelajari dan membaca al-Quran di peringkat awal kanak-kanak, ia akan menanamkan benih-benih keimanan ke dalam jiwa mereka. Yusof Qardhawi (2010) turut berpandangan yang sama. Beliau menegaskan bahawa membaca dan menghafal al-Quran sewaktu kanak-kanak dapat meluruskan lidah, membaca huruf dengan tepat, dan mengucapkannya sesuai dengan makhraj huruf.

Dalam konteks Pendidikan di Malaysia, pada Oktober 2018, pentaksiran dengan menggunakan kaedah pengujian telah dimansuhkan. Kini, terdapat tiga kaedah di dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam yang

digunakan oleh guru dalam mentaksir Tahap Penguasaan (TP) murid-murid tahap satu iaitu kaedah pemerhatian, penulisan dan lisan (Mustaqim Roslan, 2024). Maka, kajian ini menjurus kepada mata pelajaran Pendidikan Islam, yang mana mata pelajaran Pendidikan Islam adalah merangkumi semua aspek iaitu pembacaan, pemahaman, hafazan ayat al-Quran, akidah, ibadat, akhlak Islamiyyah, sirah, tokoh dan tamadun Islam. Matlamat kajian adalah untuk mengenalpasti tahap keberkesanan dan cabaran yang dihadapi oleh murid semasa PdP hafazan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam secara dalam talian di kalangan murid. Tambahan pula, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti platform PdP yang lebih disukai murid sekolah memandangkan kaedah ini berbeza dengan kaedah hafazan yang diperolehi secara bersemuka (talaqqi) iaitu kaedah pembelajaran atau penerimaan al-Quran dari mulut ke mulut atau berguru. Melalui dapatan kajian, diharapkan ianya dapat mencetus idea di kalangan pendidik untuk merekabentuk PdP dalam talian serta dapat membantu pihak tertentu mengambil kira keperluan memperkukuhkan kemahiran penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi baharu yang diperlukan dalam melaksanakan transformasi terhadap sistem pendidikan terutamanya di sekolah rendah Arab sekitar Malaysia.

2.0 Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan yang melibatkan analisis secara deskriptif seperti skor min dan peratusan termasuk jadual frekuensi, carta pai serta carta palang ditunjukkan sebagai hasil kajian. Konsep rangka kerja untuk keseluruhan kajian ditunjukkan di dalam Rajah 1. Ia merangkumi seluruh aspek dalam menjayakan kajian ini terhadap pelajar Tahun 6 di sebuah sekolah rendah Arab yang terlibat dengan PdP hafazan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam secara dalam talian.



Rajah 1: Konsep rangka kerja kajian

Kajian tertumpu kepada pelajaran hafazan di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, yang mana hafazan al-Quran merupakan satu komponen yang wajib dilaksanakan dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi mata pelajaran ini. Satu set borang tinjauan soal selidik berkomputer dirangka menggunakan aplikasi *Google Form*; terdiri kepada 3 bahagian dan 13 soalan. Terdapat dua persampelan rawak yang terlibat di dalam projek ini dalam pencarian sampel kajian iaitu persampelan rawak mudah dan persampelan kelompok. Persampelan rawak mudah digunakan untuk mengelakkan pemilihan sampel yang berat sebelah. Ianya kerana setiap item di dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk terpilih sebagai sampel. Kaedah persampelan rawak mudah yang dipilih adalah kaedah cabutan bertuah, iaitu setiap objek di dalam populasi harus ditetapkan nombor dan dikekalkannya secara sistematik. Bagi kajian ini, Tahun 1 hingga Tahun 6 dinomborkan sebagai nombor 1 hingga 6 di atas kertas dan dicampurkan kertas ini di dalam sebuah kotak. Kemudian, satu nombor dipilih secara rawak; setiap nombor berpeluang untuk dipilih. Oleh kerana nombor 6 muncul, semua murid Tahun 6 terpilih sebagai target sampel disebabkan persampelan kelompok digunakan.

3.0 Dapatan Kajian

Berikut adalah analisa borang soal selidik yang diedarkan. Analisa deskriptif dipersembahkan yang mana dapatan kajian dibahagikan kepada 3 bahagian.


3.1 Latar belakang responden

Seramai 52% responden perempuan dan 48% responden lelaki dari Tahun 6 terlibat di dalam kajian ini. Jenis peranti yang digunakan untuk PdP secara dalam talian ditunjukkan di dalam carta palang tunggal di Rajah 2. Jenis peranti tertinggi yang digunakan untuk PdP secara dalam talian adalah menggunakan telefon bimbit ibu bapa diikuti dengan menggunakan telefon bimbit sendiri dan menggunakan komputer peribadi ibu bapa, masing-masing 53.4%, 51.7% dan 12.1% responden. Hanya 3.4% responden menggunakan komputer peribadi sendiri dan 3.4% responden menggunakan komputer riba sendiri.




Rajah 2: Jenis peranti yang digunakan untuk PdP secara dalam talian

Berdasarkan carta pai di Rajah 3, 72% responden tidak pernah mempunyai masalah dengan rangkaian internet. 24% dan 4% daripada responden masing-masing kadang-kadang dan selalu mempunyai masalah dengan rangkaian internet. Ia menyumbang sebanyak 28% responden mempunyai masalah dengan rangkaian internet.




Rajah 3: Masalah dengan rangkaian internet

Bagi pembolehubah seterusnya adalah berskala ordinal iaitu tahap penguasaan hafazan terdahulu (secara bersemuka) dan tahap penguasaan hafazan terkini (secara dalam talian). 5 skala *Likert* digunakan yang mana 1 mewakili sangat lemah dan 5 mewakili sangat baik. Analisa bagi kedua soalan ini ditunjukkan di dalam carta palang unggal di Rajah 4 dan Rajah 5.



Rajah 4: Tahap penguasaan hafazan terdahulu (secara bersemuka)



Rajah 5: Tahap penguasaan hafazan terkini (secara dalam talian)

Merujuk kepada Rajah 4, skor tertinggi yang ditunjukkan bagi tahap penguasaan hafazan terdahulu (secara bersemuka) adalah di skala 4 iaitu 55.2% responden mempunyai tahap penguasaan hafazan yang baik. Manakala di Rajah 5, skor tertinggi yang ditunjukkan bagi tahap penguasaan hafazan terkini (secara dalam talian) adalah di skala 4 juga. Namun, bilangan responden berkurang kepada 36.2% responden yang mempunyai tahap penguasaan hafazan yang baik.

3.2 Tahap Keberkesanan PdP Hafazan dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Secara dalam Talian

Bahagian 2 mengandungi 6 item berskala ordinal di dalam bentuk skala *Likert* 1 hingga 5. Skala 1 ialah sangat tidak setuju, skala 2 ialah tidak setuju, skala 3 ialah sederhana setuju, skala 4 ialah setuju dan skala 5 ialah sangat setuju. 6 item yang terdapat di Bahagian 2 ini adalah seperti yang ditunjukkan di Jadual 1. Item-item ini dikaji untuk mengenalpasti tahap keberkesanan PdP hafazan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam secara dalam talian, justeru menjawab persoalan dan objektif kajian.

Jadual 1: Item di Bahagian 2 borang soal selidik

Item
1. Saya seronok belajar hafazan secara dalam talian.
2. Saya lancar menghafal semasa belajar hafazan secara dalam talian.
3. Saya jelas akan tajwid (termasuk tanda bacaan) semasa belajar hafazan secara dalam talian.
4. Saya dapat menguruskan masa belajar saya dengan berkesan apabila belajar hafazan secara dalam talian.
5. Saya berasa selesa untuk berkomunikasi dalam talian.
6. Saya dapat mengikuti keseluruhan kelas hafazan secara dalam talian yang diadakan.

Seterusnya, rumusan analisa bagi setiap item di Bahagian 2 ditunjukkan di dalam Jadual 2. Jadual 2 mempersembahkan sisihan piawai dan ukuran kecondongan

untuk setiap item yang dikaji. Daripada Jadual 2 ini, ukuran kecondongan bagi kesemua item yang diperolehi terletak di antara -0.379 dan 0.314. Oleh kerana kesemua ukuran kecondongan ini jatuh di antara ukuran statistik umum kecondongan yang ber julat dari -3.0 dan 3.0, data yang dikumpul adalah dianggap tertabur secara normal.


Berdasarkan Jadual 2 ini juga, dapat dirumuskan bahawa purata skor min Bahagian 2 adalah 3.09 iaitu di skala sederhana setuju. Setiap min item menunjukkan nilai menghampiri skala 3 iaitu berskala sederhana setuju. Manakala nilai sisihan piawai yang menentukan ukuran serakan nilai antara set data dengan min bagi kesemua item menunjukkan nilai sisihan piawai yang tidak terlalu tinggi.

Jadual 2: Rumusan analisis deskriptif item di Bahagian 2 borang soal selidik

Item	Skor Minimum	Skor Maksimum	Min	Sisihan Piawai	Kecondongan
1	1	5	3.26	1.069	-0.276
2	1	5	3.19	0.847	-0.379
3	1	5	3.03	1.042	0.314
4	1	5	3.14	0.868	-0.109
5	1	5	2.95	0.944	-0.153
6	1	5	2.98	1.017	-0.068

3.3 Platform PDP yang Disukai Murid

Rajah 6 menunjukkan carta pai bagi tinjauan platform PdP yang lebih disukai murid. Dapatan kajian mendapati bahawa platform PdP yang lebih disukai murid adalah secara bersemuka. Ini kerana, majoriti responden iaitu sebanyak 95% memilih PdP secara bersemuka sebagai platform PdP yang lebih mereka sukai berbanding secara dalam talian.



Rajah 6: Platform PdP yang lebih disukai murid

4.0 Perbincangan

'Kemenjadian murid' merupakan satu elemen yang amat penting dalam apa jua kaedah PdP. Melalui kajian ini, peratusan bagi tahap penguasaan hafazan terkini (secara dalam talian) adalah kurang daripada tahap penguasaan hafazan terdahulu (secara bersemuka). Hasil tinjauan mendapati, kejutan penerimaan murid akan kaedah PdP yang baru dijalankan memberi implikasi tersebut kerana ia adalah satu pengalaman pertama yang agak mencabar bukan sahaja kepada murid malah kepada guru. Tambahan pula, perubahan besar kaedah PdP ini berkebarangkalian mengambil masa yang cepat atau lambat untuk menilai tahap keberkesanan. Justeru, analisa tahap keberkesanan ini boleh dijadikan sebagai dapatan kajian awal memandangkan ianya masih merupakan peringkat awal pelaksanaan dan masih memerlukan penambahbaikan dan persediaan yang rapi dari pelbagai pihak terutamanya sekolah, guru, murid termasuk ibu bapa. Oleh itu, bagi mendapatkan keputusan dan membuat perbandingan yang lebih tepat mahupun mengetahui perkembangan kaedah PdP ini, data tahunan sekurang-sekurangnya tiga tahun hendaklah dikumpul dan dianalisa semula. Walaubagaimanapun, di peringkat awal pelaksanaan ini, kajian ini mendapati terdapat juga implikasi positif kaedah PdP terkini yang dijalankan iaitu murid seronok menjalani kaedah PdP baru ini. Hal ini adalah disebabkan generasi Z ialah generasi yang sangat pantas dan cekap menggunakan peralatan digital.

5.0 Kesimpulan

Secara ringkas, kajian telah dijalankan menggunakan kaedah yang bersesuaian untuk tujuan mengkaji implikasi transformasi PdP secara dalam talian khusus kepada bidang hafazan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sebuah sekolah rendah di kalangan murid. Dapatan kajian menunjukkan tahap keberkesanan PdP hafazan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam secara dalam talian adalah sederhana berkesan disebabkan nilai purata skor min yang diperolehi ialah 3.09 iaitu skala 3 (sederhana setuju) terhadap 6 item yang dikaji di Bahagian 2 borang soal selidik. Ia turut dibuktikan dengan dapatan kajian bahawa terdapat penurunan sebanyak 19% tahap penguasaan hafazan berskala baik secara dalam talian berbanding secara bersemuka. Tambahan pula terdapat halangan seperti jenis peranti yang mana 53.4% menggunakan telefon bimbit kedua ibu bapa mereka untuk menjalani kelas secara dalam talian. Malah, terdapat 28% responden mengalami masalah rangkaian internet. Begitu juga dengan penguasaan tajwid termasuk tanda bacaan. Respon bahawa murid jelas akan tajwid termasuk tanda bacaan semasa belajar hafazan secara dalam talian menunjukkan peratusan longgokan sebanyak 34.5% ke arah tidak setuju ke sangat tidak setuju. Di sebaik kelemahan yang dikenalpasti, terdapat kesan positif secara tidak langsung akan perubahan sistem PdP ini. Didapati bahawa 41.4 % dan 27.6% responden yang respon bahawa mereka seronok belajar hafazan secara dalam talian dan berasa selesa berkomunikasi dalam talian. Namun, secara kesimpulannya, murid masih lagi memilih PdP secara bersemuka berdasarkan keputusan respon yang diperolehi iaitu 95% memilih PdP secara bersemuka sebagai platform PdP yang lebih mereka sukai berbanding secara dalam talian.

Namun demikian, kajian ini terbatas kepada murid pelajar sekolah rendah Arab di sebuah sekolah sahaja. Pelaksanaan mungkin berbeza di berlainan tempat dan guru. Ini kerana lokasi dan persekitaran pelajar di desa atau di kota mempengaruhi penggunaan dan pendedahan internet. Tambahan pula, kajian ini tertumpu kepada hafazan yang merupakan salah satu sub bahagian kecil di dalam mata pelajaran

Pendidikan Islam. Meskipun PdP telah dijalankan secara bersemuka di peringkat sekolah buat masa ini, diharap terdapat inisiatif dan usaha dari pelbagai pihak untuk meningkatkan penguasaan khususnya hafazan pelajar dan umumnya memartabatkan pendidikan. Melalui dapatan kajian projek ini, ia diharap dapat membantu institusi lain seperti pusat tahfiz menganalisa dan menambahbaik sistem seandainya PdP secara dalam talian diteruskan lagi pada satu masa kelak khusus kepada bidang hafazan.

Bagi memperbaiki dan meningkatkan kualiti kajian ini, dicadangkan agar kajian ke atas populasi yang lebih besar dan meluas dapat dijalankan supaya mendapat keputusan yang lebih tepat. Malah, pihak-pihak tertentu mesti menyelesaikan masalah atau halangan yang telah dikenalpasti dalam kajian untuk memastikan sistem ini benar-benar membantu proses PdP di kalangan pelajar. Ini kerana, tidak dinafikan bahawa tidak semua ibu bapa dapat menyediakan keperluan, memberi tunjuk ajar dan bantuan kepada anak mereka atas sebab kelansungan hidup dan terikat dengan kerja. Perubahan ke norma baharu ini memberi kesan besar terhadap murid yang berlatar belakang dari keluarga berpendapatan rendah, tahap pendidikan ibu bapa yang rendah, bilangan adik-beradik yang ramai serta murid yang tinggal di pedalaman. Maka, kesimpulannya, diharap kajian ini dapat menyumbang maklumat kepada pelbagai pihak agar langkah bersedia akan pelaksanaan PdP secara dalam talian pada masa hadapan lebih lancar, mudah dan efisien.

Rujukan

- Ahmad Saifudin, N., & Hamzah, M. (2021). Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) Dalam Talian Dengan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 250-264.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (2010). Menghafal al-Quran. Seri Tarbiyah. Mizan. Bandung.
- Asyikin, M. N., & Zulkifli, H. (2023). Coaching dalam Pengajaran Tahfiz: Coaching in Teaching Tahfiz. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 49–60. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.249>
- Bahasoan, A. N., Ayuandiani, W., Mukhram, M., & Rahmat, A. (2020). Effectiveness of Online Learning in Pandemic COVID-19. *International Journal of Science, Technology & Management*, 1(2), 100-106. <https://doi.org/10.46729/ijstm.v1i2.30>
- Basar, Z. M., Mansor, A. N., Jamaludin, K. A., & Alias, B. S. (2021). The Effectiveness and Challenges of Online Learning for Secondary School Students—A Case Study. *Asian Journal of University Education*, 17(3), 119-129.
- Chakraborty, P., Mittal, P., Gupta, M. S., Yadav, S., & Arora, A. (2021). Opinion of Students on Online Education during the COVID-19 Pandemic. *Human Behavior and Emerging Technologies*, 3, 357-365. <https://doi.org/10.1002/hbe2.240>
- Dhawan, S. (2020). Online Learning: A Panacea in the Time of COVID-19 Crisis. *Journal of Educational Technology Systems*, 49(1), 5–22. <https://doi.org/10.1177/0047239520934018>
- Fauzi, I., & Sastra Khusuma, I. H. (2020). Teachers' Elementary School in Online Learning of COVID-19 Pandemic Conditions. *Jurnal Iqra': Kajian Ilmu Pendidikan*, 5(1), 58–70. <https://doi.org/10.25217/ji.v5i1.914>
- Ibn Khaldun. (2000). Muqadimah Ibn Khaldun. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- M., M. R. (2024). Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Kesannya Kepada Murid Tahap Satu: Analisis Subjek Pendidikan Islam/ Classroom Assessment Method

- (PBD) And Its Impact On Level One Pupils: Analysis Of Islamic Education Subjects. *UMRAN – Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 11(1), 63-78.
<https://doi.org/10.11113/umran2024.11n1.678>
- Mohd Najib, H., Abu Bakar, N. R., & Othman, N. (2017). E-Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Selangor: E-Learning Among Students of Higher Education Institutions in Selangor. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 74–82.
<https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v1i1.121>
- Muhammad, A. & Kainat, A. (2020). Learning Amid The COVID-19 Pandemic: Students' Perspectives. Pakistan. *Journal of Pedagogical Sociology and Psychology*.
- Wildana Wargadinata, Iffat Maimunah, Eva Dewi & Zainur Rofiq. (2020). Student's Responses on Learning in the Early COVID-19 Pandemic. *Journal of Education and Teacher Training*, 5(1), 141-153.
<https://doi.org/10.24042/tadris.v5i1.6153>